



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

## KENYATAAN MEDIA

### **KUSKOP DAN KERAJAAN NEGERI MELAKA ANJUR *SHOWCASE* SATU DAERAH SATU INDUSTRI (SDSI) MADANI PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2023**

---

**AYER KEROH, 7 OKTOBER 2023** – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka menganjurkan *Showcase* Satu Daerah Satu Industri (SDSI) MADANI Peringkat Kebangsaan bertempat di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh, Melaka pada 6 hingga 8 Oktober 2023 disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP.

Showcase yang berlangsung selama tiga hari ini dijangka menarik seramai 20,000 pengunjung dengan potensi jualan tunai sebanyak RM100,000. KUSKOP turut mengunjurkan potensi jualan daripada program padanan perniagaan sebanyak RM3 juta dan potensi pembiayaan berjumlah RM3 juta melalui program BIAYA Usahawan. Sebanyak 14 pavilion negeri dan wilayah persekutuan dibuka dengan penyertaan seramai 146 usahawan SDSI dari seluruh negara bagi pameran Jualan Usahawan SDSI daripada empat kluster SDSI iaitu produk Makanan & Minuman (F&B), inap desa (*homestay*), produk kraf dan produk / perkhidmatan kesihatan. Turut diadakan adalah Jualan Anekarasa MADANI melibatkan 43 usahawan bagi mempromosi dan memperkenalkan pelbagai menu yang unik dan terkenal dari seluruh negara.

Program ini bertujuan untuk menyediakan medium pemasaran produk/ perkhidmatan SDSI yang berkualiti, meningkatkan imej produk/ perkhidmatan SDSI, memberi pendedahan kepada umum bahawa keluaran SDSI adalah berpotensi dan berkualiti serta memperluaskan rangkaian perniagaan

(*networking*). Menerusi platform ini, ia turut memberi peluang kepada KUSKOP dan Kerajaan Negeri Melaka serta agensi-agensi kerajaan untuk menyampaikan maklumat berhubung perkhidmatan keusahawanan dan koperasi melalui sesi taklimat, pameran kepada usahawan, koperasi dan komuniti setempat.

Selain itu, bagi mengimbangi peningkatan kos sara hidup Rakyat, KUSKOP melalui agensinya iaitu Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah mengadakan Jualan MADANI Koperasi (JMK) yang menawarkan barang keperluan asas seperti beras, telur dan minyak masak dengan kadar yang berpatutan dan lebih murah daripada pasaran tempatan. KUSKOP turut bekerjasama dengan kementerian lain melalui penganjuran Jualan RAHMAH oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Jualan Agro MADANI oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Program-program ini akan memanfaatkan rakyat, usahawan dan anggota koperasi dalam mendapatkan barang keperluan asas pada kadar harga yang berpatutan.

Manakala, komuniti usahawan dan koperasi yang menjadi tunjang kepada ekonomi negara turut disantuni melalui pelaksanaan program Padanan Perniagaan (PADANIAGA) bagi membantu usahawan dan koperasi terutamanya usahawan SDSI untuk meningkatkan peluang dalam memperluaskan akses pasaran. Matlamat program ini ialah untuk mewujudkan hubungan antara PMKS dan koperasi dengan pasar raya besar, syarikat multinasional dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dengan menyediakan peluang rangkaian perniagaan.

Dalam majlis ini, YB Menteri telah melancarkan produk periuk tanah yang diusahakan oleh usahawan SDSI. Penghasilan produk tersebut merupakan hasil daripada pembangunan industri yang dijalankan oleh KUSKOP melalui Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) merangkap agensi pelaksana program pembangunan kapasiti SDSI. Selain itu, penyampaian “Anugerah Usahawan Harapan SDSI” juga diadakan sebagai langkah kementerian untuk

menghargai dan mengiktiraf usahawan SDSI yang berpotensi untuk menjadi inspirasi dan memberi semangat kepada usahawan SDSI yang lain.

KUSKOP berharap dengan pelaksanaan program kali ini dapat merancakkan semula aktiviti keusahawanan dan koperasi dalam kalangan usahawan SDSI di seluruh negara. Ini adalah selaras dengan hasrat dan kerangka visi MALAYSIA MADANI di bawah tonggak “kesejahteraan” yang membawa makna keseimbangan atau lebih tepat lagi kehidupan dan segala sisinya yang terangkum dalam keseimbangan bagi memeta hala tuju Malaysia menuju sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera.

Majlis perasmian turut diserikan oleh YB Tuan Alex Seah Shoo Chin, Exco Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Melaka mewakili YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka. Hadir sama YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri KUSKOP, YBhg. Dato’ Sri Suriani binti Dato’ Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP, barisan Exco-Exco portfolio keusahawanan negeri-negeri, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta wakil kementerian peneraju program pembangunan SDSI iaitu Kementerian Pembangunan Desa dan Wilayah (KKDW), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

## **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

---

*Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi:*

*Datin Suriani Abdul Rahman  
Ketua Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi  
Tel: 03-8883 6152 Emel: [surianiar@kuskop.gov.my](mailto:surianiar@kuskop.gov.my)*